

KEPENTINGAN *TABAYYUN* DALAM MENDEPANI ARUS GLOBALISASI

WAN HAKIMIN BIN WAN MOHD NOR
FATIN NAZMIN MANSOR
NIK MOHD NABIL B IBRAHIM@NIK HANAFI
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor
Bangi, Selangor.
wanhakimin@kuis.edu.my

ABSTRAK

Kehidupan bermasyarakat pada masa kini seringkali dilimpahi dengan maklumat dan berita yang diperoleh melalui pelbagai saluran seperti surat khabar, majalah, aplikasi Whatsapp, Facebook dan sebagainya. Keadaan ini semakin keruh apabila adanya golongan masyarakat yang menjadikan gosip dan aib serta kehormatan manusia lain sebagai alat perdagangan untuk meraih keuntungan dunia. Bahkan ada juga yang menjual gosip dengan tujuan mendapatkan populariti sehingga melibatkan dan mendatangkan keburukan kepada diri dan keluarga. Maklumat atau berita yang diperoleh itu adakalanya menyatakan maklumat yang benar, dari sumber yang boleh dipercayai. Tetapi terdapat juga maklumat-maklumat yang didapati boleh membawa kepada perselisihan antara kaum. Hal ini menunjukkan betapa pentingnya panduan al-Quran dalam menyatupadukan ummah dan menolak berita-berita yang tidak berasaskan tabayyun yang akibatnya boleh memecahbelahkan masyarakat. Oleh itu, kajian ini bertujuan memberi pendedahan kepada masyarakat tentang kepentingan tabayyun dalam menerima dan menyebarkan sesuatu berita dalam mendepani era globalisasi yang kian mencabar ini. Melalui kajian ini, pengkaji mendapati dengan prinsip tabayyun suatu berita atau isu dapat ditapis dan dipastikan kesahihannya.

Kata Kunci: Tabayyun, Gosip, Populariti, Berita, Globalisasi

1. PENGENALAN

Kehidupan bermasyarakat pada masa kini seringkali dilimpahi dengan maklumat dan berita yang diperoleh melalui pelbagai saluran seperti surat khabar, majalah, aplikasi Whatsapp, Facebook dan sebagainya¹. Keadaan ini semakin keruh apabila adanya golongan masyarakat yang menjadikan gosip dan aib serta kehormatan manusia lain sebagai alat perdagangan untuk meraih keuntungan dunia. Bahkan ada juga yang menjual gosip dengan tujuan mendapatkan populariti sehingga melibatkan dan mendatangkan keburukan kepada diri dan keluarga.²

Maklumat atau berita yang diperoleh itu adakalanya menyatakan maklumat yang benar, dari sumber yang dipercayai. Tetapi terdapat juga maklumat-maklumat yang didapati boleh membawa kepada perselisihan antara kaum.

Namun, melalui limpahan maklumat yang mudah untuk diperolehi pada hari ini, maklumat-maklumat tersebut semakin sukar untuk ditapis dan dipastikan kebenarannya. Segala berita atau perkhabaran yang diperoleh tanpa asas kebenaran dan kepastian, pastinya dapat mengundang kepada permusuhan dan perselisihan antara kita.

¹ Datuk Dr Zulkifli Al Bakri, 2015, Bayan Linnas siri-22- Konsep Tabayyun dan penerimaannya.

² Syaikh Mudrika, 2012, Mengapa Mesti Tabayyun?, Februari 2018, <https://almanhaj.or.id/3445-mengapa-mesti-tabayyun.html>

Oleh itu, sebagai seorang muslim yang mengamalkan apa yang diajarkan daripada kitab al-Quran, pentingnya kita pada hari ini untuk menilai dan meneliti terlebih dahulu dalam memastikan kesahihan sesuatu khabar dan berita yang diperolehi, sebelum kita menerima sepenuhnya maklumat dan berita tersebut, supaya kita mampu untuk menjaga keharmonian sesama umat Islam.

2. KONSEP TABAYYUN MENURUT ISLAM³

a. Definisi berita dan *tabayyun*

Menurut kamus Dewan edisi keempat berita bermaksud perkhawaran laporan tentang sesuatu hal atau kejadian. Mengikut tafsiran para ulama, *tabayyun* berasal daripada perkataan arab yang bermaksud *menthabitkan* dan menyemak asas kebenarannya.

b. Tafsir ayat 6 surah al-Hujurat

Berita atau sebarang maklumat yang diterima seharusnya diteliti dan dipastikan dahulu kebenarannya dan ketepatan informasi bagi mengelakkan sebarang agenda atau perkara yang tidak baik berlaku seperti menfitnah, menipu dan memburukkan seseorang yang lain berlandaskan hawa nafsu dan sifat kebencian. Perkara ini menjadi salah satu agenda al-Quran di mana Allah SWT berfirman :

Maksudnya: *“Wahai orang-orang yang beriman! Jika datang kepada kamu seorang fasik membawa sesuatu berita, maka selidikilah (untuk menentukan kebenarannya), supaya kamu tidak menimpakan sesuatu kaum dengan perkara yang tidak diingini dengan sebab kejahilan kamu (mengenainya) sehingga menjadikan kamu menyesali apa yang kamu telah lakukan”*.

(Surah Al-Hujurat: 6)

- i. Imam Ibn Khatir berkata: Allah memerintahkan agar kita benar-benar menyemak berita dari orang fasik dengan mewaspadainya supaya tidak berlaku sebarang pendustaan dan kekeliruan. Kebanyakan ahli tafsir menyebut turunnya ayat ini kepada al-Walid bin ‘Uqbah bin Abu Mu’ith ketika menjadi utusan Rasulullah untuk memungut zakat daripada Bani Mustaliq.⁴
- ii. Imam al-Syaukani rahimahullah berkata: *“Yang dimaksudkan dengan tabayyun adakah memeriksa dengan teliti yang dimaksudkan dengan tathabbut adalah berhati-hati dan tidak tergesa-gesa, melihat dengan keilmuan yang dalam terhadap sebuah peristiwa dan khabar yang datang, sampai menjadi jelas dan terang baginya.”*
- iii. Syeikh al-Maraghi berkata: Allah SWT mendidik hamba-hambanya yang mukmin dengan sifat sopan yang berguna bagi mereka dalam soal agama atau dunia. Berhubung perkara ini apabila mereka dihampiri oleh seorang fasik yang terang-terangan meninggalkan syiar agama dengan membawa sesuatu berita hendaklah tidak terus mempercayainya sehinggalah betul-

³ Kamus dewan edisi keempat.

⁴ Ibn kathir, Tafsir al Quran al-Azim, halaman 7\476

betul mendapat kepastian dan berusaha mengetahui perkara yang sebenarnya tanpa bersandar kepada ceritanya semata-mata. Ini disebabkan orang yang tidak ambil kisah melakukan kefasikan tentu tidak kisah pula untuk berbuat dusta kerana dusta memang termasuk cabang kefasikan. Langkah ini perlu diambil supaya jangan sampai orang mukmin menimpakan bencana ke atas kaum yang tidak mereka ketahui keadaan mereka, yang mana nanti mereka akan menyesal di atas perbuatan yang mereka lakukan. Lalu mereka pun berangan-angan sekiranya perkara ini tidak pernah berlaku.⁵

- iv. Syed Qutb berkata: Perbuatan meragui secara mutlaq terhadap segala sumber dan segala berita adalah bertentangan dengan dasar kepercayaan yang seharusnya wujud di antara individu kelompok yang beriman, dan melumpuhkan perjalanan kehidupan dan peraturan dalam masyarakat Islam, sedangkan Islam membiarkan kehidupan masyarakat itu berjalan mengikut perjalanan tabi'anya dan Islam hanya mengadakan jaminan dan kawalan untuk memelihara perjalanan kehidupan itu sahaja bukan untuk melumpuhkan. Inilah contoh dasar kebebasan dan pengecualian dalam menangani sumber berita.⁶

Adab atau sikap yang terkait dengan *tabayyun* agar tidak terjerumus dalam kancah fitnah termasuk juga mengelakkan daripada mendengar atau membaca berita yang membahas keaiban dan membahayakan pemikiran.

Sebab itulah dalam Surah al-Hujurat juga, prinsip *tabayyun* diseiringkan dengan ayat yang menuntut umat bersangka baik dan tidak mudah menjatuhkan hukum atau kesimpulan sebagaimana yang disebut ayat 12 dalam surah yang sama: "*Wahai orang yang beriman! Jauhilah kebanyakan daripada prasangka kerana sesungguhnya sebahagian daripada sangkaan itu adalah dosa*".

c. Sebab Nuzul Ayat

- i. Menurut Ahmad Sonhadji Mohamad dalam kitabnya iaitu Tafsir Al-Quran Juz 26 menjelaskan bahawa Allah SWT memberi panduan bagi mendidik hamba-hamba-Nya yang beriman dengan didikan yang baik lagi berguna, untuk kepentingan hidup mereka di dunia dan akhirat. Iaitu jika mereka didatangi orang yang fasiq, yakni orang yang buruk laku kerana melanggar batasan agama dengan membawa suatu berita, jangan terus mempercayainya kemudian bertindak dengan cara terburu-buru dan tergesa-gesa. Berita itu hendaklah diperiksa terlebih dahulu akan kebenarannya, dan menimbangkannya dengan teliti dan saksama.⁷
- ii. Menurut Syeikh al-Maraghi dalam kitabnya iaitu Tafsir Al-Maraghiy: Allah SWT mendidik hamba-hambaNya yang mukmin dengan sifat sopan yang berguna bagi

⁵ Mustafa al-Maraghi, Tafsir al Maraghi, halaman 13\6490

⁶ Syed Qutb, Fi Zilal al-Quran, halaman 15\96

⁷ Ahmad Sonhadji Mohamad, Tafsir Al-Quran, Juz 26, halaman 160.

mereka dalam soal agama atau dunia. Berhubung perkara ini apabila mereka dihampiri oleh seorang fasik yang terang-terangan meninggalkan syiar agama dengan membawa sesuatu berita hendaklah tidak terus mempercayainya sehinggalah betul-betul mendapat kepastian dan berusaha mengetahui perkara yang sebenarnya tanpa bersandar kepada ceritanya semata-mata. Ini disebabkan orang yang tidak ambil kisah melakukan kefasikan tentu tidak kisah pula untuk berbuat dusta kerana dusta memang termasuk cabang kefasikan. Langkah ini perlu diambil supaya jangan sampai orang mukmin menimpakan bencana ke atas kaum yang tidak mereka ketahui keadaan mereka, yang mana nanti mereka akan menyesal di atas perbuatan yang mereka lakukan. Lalu mereka pun berangan-angan sekiranya perkara ini tidak pernah berlaku.⁸

- iii. Menurut Syeikh Al-Syanqiti dalam kitabnya iaitu Tafsir Adhwa' al-Bayan: Ayat ini turun berkaitan dengan Walid bin Uqbah Bin Abi Mu'it yang telah diutus oleh Nabi SAW kepada bani mustaliq dari Khaza'ah untuk mengambil zakat harta dari mereka. Tatkala penduduk bani Mustaliq mendengar hal itu, mereka menyambutnya dengan gembira, namun Walid justeru ketakutan dan menyangka mereka akan membunuhnya, maka Walid kembali kepada Nabi SAW dan menyatakan bahawa mereka enggan membayar zakat serta hendak membunuhnya. Lalu datanglah utusan dari Bani Mustaliq kepada Nabi SAW dan memberitahukan tentang kebohongan Walid tersebut. Allah pun menurunkan ayat tersebut. Maksudnya adalah menunjukkan untuk tidak mempercayai pemberitaan yang dibawa oleh orang yang fasik.⁹
- iv. Menurut Muhammad Ibrahim al-Hifnawi dalam kitabnya iaitu Tafsir Al-Qurtubi Jilid 17: Menurut satu pendapat, ayat ini diturunkan tentang Al-Walid bin Aqabah bin Abi Mu'it. Hal tersebut berdasarkan pada keterangan yang diriwayatkan oleh Sa'id dari Qatadah, bahawa Nabi SAW mengutus Al-Walid bin Aqabah untuk memungut zakat dari Bani Mustaliq. Ketika kaum Bani Mustaliq melihat Al-Walid maka mereka pun menghadap kepadanya sehingga dia merasa takut terhadap mereka – dalam satu riwayat dinyatakan: kerana kedengkian yang pernah ada di antara dia dan mereka. Dia kemudian kembali kepada Nabi SAW dan memberitahukan bahawa mereka telah murtad dari agama Islam. Nabi SAW kemudian mengutus Khalid bin Al-Walid dan memerintahkannya untuk melakukan pemeriksaan dengan teliti dan tidak tergesa-gesa. Khalid kemudian berangkat ke tempat mereka sehingga dia tiba di tempat mereka pada malam hari. Maka Khalid pun mengutus mata-matanya. Ketika mereka pulang, mereka memberitahukan kepada Khalid bahawa kaum Bani Mustaliq itu masih memeluk Islam dan mereka pun mendengar suara azan dan solat mereka. Keesokan harinya Khalid mendatangi kaum Bani Mustaliq dan dia pun melihat secara

⁸ Syeikh al-Maraghi, Tafsir Al-Maraghiy, Jilid 13, halaman 6490

⁹ Syaikh Asy-Syanqithi, Tafsir Adhwa'ul Bayan, halaman 83

langsung kebenaran yang dikatakan mata-matanya. Dia kemudian kembali kepada Nabi SAW dan memberitahu kan hal itu. Maka turunlah ayat ini.¹⁰

d. Tujuan *Tabayyun*

Tujuan *tabayyun* adalah untuk mendapatkan hasil kesimpulan yang lebih tepat sesuai dengan keadaan masyarakat sekitarnya.¹¹ Dalam Al-Quran Allah SAW berfirman:

Maksudnya: “ *Hai orang-orang yang beriman jika datang kepadamu orang fasiq membawa sesuatu berita maka periksalah dengan teliti agar kamu tidak menimpakan suatu musibah kepada suatu kaum tanpa mengetahui keadaannya yang menyebabkan kamu menyesal atas perbuatanmu itu*”
(Al-Hujurat:6)

Ayat tersebut mengandungi makna keharusan bertabayyun terhadap adanya suatu berita atau informasi ataupun suatu pemahaman dan cara pemikiran. Selain itu Allah mengingatkan kepada kita untuk tidak mengikuti sesuatu yang belum diketahui secara jelas masalahnya atau jangan membuat kesimpulan terlebih dahulu sebelum mengetahui secara jelas. Kerana setiap apa yang kita lakukan akan dipertanggungjawabkan di hadapan Allah kelak.

Pemahaman dan keyakinan kita terhadap sesuatu ilmu, terkadang belum tentu mengandungi kebenaran yang dikehendaki oleh syariat Islam. Bukankah kita mengetahui adanya istilah “*yaqin, ‘ainul yaqin dan haqqul yaqin*”. Kita tentunya dapat mengukur sejauh mana kepastian ilmuan kita dalam memahami sesuatu persoalan atau dalam memahami al-Quran mahupun hadith nabi. Sehingga pemahaman yang kita peroleh telah selaras dengan maksud Rasulullah SAW dan kehendak Allah SWT.

Menanam sikap tabayyun merupakan salah satu akhlak mulia. Kerana *tabayyun* merupakan akhlak yang mencerminkan perbuatan dan tindakan untuk mencari kejelasan tentang sesuatu hingga jelas. Allah memerintahkan kepada orang yang beriman agar selalu bertabayyun dalam menghadapi berita yang disampaikan agar tidak menyesal di kemudian hari.

e. Implikasi Berita Tanpa *Tabayyun*

Perpaduan atau tali persaudaraan yang telah dibina selama ini mampu dileraikan akibat daripada maklumat atau berita yang disampaikan ini tidak tepat dan dusta. Agenda memfitnah menipu dan membuka aib orang begitu mudah disebarkan berlandaskan ruangan yang ada sangat mudah untuk dilayari seperti internet, facebook, youtube dan sebagainya.

Terdapat dua wajah qiraat pada kalimah *fatabayyanu*, jumhur al-Qurra membacanya “*fatabayyanu*”¹². Kalimah ini daripada al-Tabari berkata “Selidikilah dulu sehingga kalian mengetahui kebenarannya jangan terburu-buru menerimanya. Daripada Syeikh al-Jaza mengatakan telitilah kembali sebelum kalian berkata atau menyebarkannya.

Jelas khatib, sejarah Islam juga ada menyebut tentang kemudaratan fitnah sepertimana yang terjadi kepada Saidina Uthman yang difitnah golongan munafiqin sehingga beliau terbunuh. Beliau telah hampir mencukupi 12 tahun. Tempoh pemerintahannya berlangsung aman sehingga

¹⁰ Muhammad Ibrahim Al Hifnawi, Tafsir Al-Qurthubi Jilid 17, halaman 26.

¹¹ Datuk Dr Zulkifli Al Bakri, 2015, Bayan Linnas siri-22- Konsep Tabayyun dan penerimaanya.

¹² Syeikh al-Syanqiti, Tafsir Adwa’ al-Bayan, halaman 83.

bermulanya fitnah. Kebanyakan fitnah terhadap beliau disebarkan oleh golongan munafiqin. Kesimpulannya, umat islam dilarang mengadakan berita palsu atau berbohong. Ini merupakan perbuatan golongan munafiq yang mengundang kemurkaan Allah SWT.

f. Kaedah *Tabayyun* Dalam Islam

Pada zaman kini teknologi sangat canggih. Pelbagai berita boleh disebarkan melalui whatsapp, facebook, akan tetapi semua laman ini amat berbahaya jika tidak digunakan sebaiknya. Kita hendaklah sentiasa meneliti dan berhati-hati dalam membuat kesimpulan terhadap sesuatu perkara.

Sikap bertabayyun bukan bererti kita berprasangka buruk terhadap sesama muslim. Malahan dengan bertabayyun kita menjadi lebih berhati-hati apabila menerima sesuatu berita atau informasi.¹³ Apabila mendapat sesuatu maklumat alangkah baiknya jika kita mencari kesahihan sumber tersebut melalui penyampainya atau saksinya yang dapat dipercayai.

3. PENERIMAAN DAN PENYEBARAN BERITA MENGIKUT PERSPEKTIF ISLAM

Konsep berita yang dibincangkan dalam al-Quran sangat memberi kontribusi dalam sistem pemberitaan terhadap media massa, khususnya media sosial. Al-Quran menggariskan kepada kita beberapa panduan asas dalam menyampaikan sesuatu berita sebagaimana berikut:

- 1) Sumber berita mestilah bersifat jelas.
- 2) Berita haruslah benar.
- 3) Berita mestilah bertepatan dengan fakta¹⁴.

a. Pesanan Dr Sheikh Yusuf Al-Qardawi

Sheikh Yusuf Qardhawi menyatakan di dalam kitabnya “Al-Halal wa Al-Haram” dengan menukilkan hadis Rasulullah SAW:

شرار عباد الله المشاؤون بالنميمة المرفقون بين الأحبة، الباغون للبرءاء العيب

Maksudnya: “*Sejahat-jahat hamba Allah SWT ialah mereka yang berjalan membawa mulut, iaitu mengadu domba, yang suka memecah belah antara orang-orang yang berkasih sayang, yang mencatatkan orang-orang yang suci dengan kata-kata yang jahat.* (Riwayat Imam Ahmad)

Pada hakikatnya, apabila Islam berperanan untuk melenyapkan permusuhan dan mendamaikan antara dua orang yang berselisih faham, juga membenarkan pendamai itu menyembunyikan apa yang didengar dari kata-kata yang buruk, yang dikatakan seseorang itu kepada yang lain, dan menambah pula kata-kata yang baik dari mulutnya sendiri, yang tidak didengarnya dari salah seorang antara kedua dalam suatu hal atau perkara, kerana hal tersebut dinyatakan di dalam sebuah hadis Nabi SAW bersabda:

¹³ Syaikh Mudrika, 2012, *Mengapa Mesti Tabayyun?*, Februari 2018, <https://almanhaj.or.id/3445-mengapa-mesti-tabayyun.html>

¹⁴ *Konsep Berita Dalam Al-Quran (Implikasinya Dalam Sistem Pemberitaan Di Media Sosial)*, Iftitah Jaafar, 1 Mei 2017.

ليس بكذاب من أصلح بين اثنين فقال خيرا أو نفي خيرا

Maksudnya: “*Tidak dikira berdusta , siapa yang mahu mendamaikan antara dua orang yang berselisih, lalu dikatakannya segala yang baik-baik atau dia menambah apa yang baik*”.

Islam sangat membenci terhadap orang yang gemar mendengar perkataan yang buruk, lalu menyampaikan kepada orang lain untuk tujuan melaga-lagakan, permusuhan atau kerana ingin menimbulkan fitnah, atau bertujuan memporak perandakan hubungan antara satu sama lain supaya terlerainya ikatan persaudaraan.

Orang seperti ini tidak hanya cukup untuk menyampaikan apa yang didengarnya sahaja, malahan sifat negatif yang ada pada diri mereka itu akan membisikkan mereka untuk menambah sesuatu benda yang lain daripada apa yang mereka dengar, iaitu dengan mencipta sesuatu yang tidak didengarnya itu.

إن يسمعوا الخير أخفوه , وإن سمعوا شرا أذاعوا وإن لم يسمعوا كذبوا

Maksudnya: “*Jika dengar baik mereka sembunyikan , sebaliknya dengar yang buruk mereka hebahkan , jika tidak dengar, lalu dusta*”.

Suatu ketika seorang lelaki datang kepada Umar bin Abdul Aziz Rahimahullah berkata kepadanya: Sekarang kami terpaksa menyiasat perkara ini. Jika kamu dusta , maka kamu termasuk dalam golongan orang yang dinyatakan dalam firman Allah SWT:

إن جاءكم فاسق نبيا فتبينوا

Maksudnya : “*Jika datang kepada kamu seorang fasik membawa suatu berita , maka selidikilah (untuk menentukan) kebenarannya*” . (Surah al-Hujurat: 6)

Jika sekiranya kamu bercakap benar, maka kamu tergolong dalam kumpulan orang yang dikatakan dalam firman Allah SWT:

هماز مشاء بنميم

Maksudnya : “*Yang suka mencaci , lagi yang suka menyebarkan menyebarkan fitnah hasutan (untuk memecah belahkan orang Ramai)*” . (Surah Al-Qalam: 11)

Tetapi jika kami memaafkan kamu dengan syarat kamu tidak akan mengulanginya lagi? Lelaki itu menjawab, Maafkan saya, Hai Amirul Mukminin, saya tidak akan mengulanginya lagi perbuatan itu.¹⁵

¹⁵ Yusuf Al-Qardhawi , Al Halal Wa Al-Haram Fi Al-Islam , Hlm 604-606.

b. Kenyataan Mufti Wilayah Persekutuan

Ketika peristiwa *hajjatul wada'* (haji perpisahan) Nabi SAW bangun berkhotbah di hadapan khalayak ramai yang berkumpul di padang Arafah, katanya :

فإن الله تبارك وتعالى قد حرم دماءكم وأموالكم وأعراضكم، إلا بحقها، كحرمة يزمكم هذا
في بلدكم هذا

Maksudnya: “*Sesungguhnya Allah SWT telah mengharamkan darah kamu , harta bendakamu , maruah kamu, seperti keharaman hari kamu ini, pada negeri kamu ini*”.

(Riwayat Al-Bukhari, 6785)

Kenyataan ini jelas menunjukkan betapa Rasulullah SAW mengingatkan kita berkaitan hubungan sesama muslim untuk memelihara harta benda, maruah dan jiwa raga yang termasuk dalam *maqasid al-syariah*. Hendaklah kita fahami yang fitnah merupakan senjata yang paling tua dan kuno telah digunakan dalam peperangan. Ini lebih dahulu daripada senjata konvensional seumpama keris, pedang, lembing serta panah dan lain-lain.

Sejarah membuktikan setiap tamadun manusia telah tercatat bagaimana fitnah digunakan dalam melemahkan serta menewaskan musuh. Akibat dan natijahnya boleh memberi kesan yang mendalam yang berpanjangan sehingga diwarisi oleh generasi kemudian. Justeru itu, sebelum kita menerima sesuatu berita atau ingin menyampaikannya maka pastikan dahulu kesahihannya. Ini kerana jika kita alpa dan lalai dibimbangi ramai yang tercedera dan boleh memusnahkan bukan sekadar individu tetapi masyarakat dan negara.

Hakikatnya permainan dari sudut persepsi dan khabar angin yang ditelan bulat-bulat oleh yang tidak mempunyai maklumat yang secukupnya akan mengundang pelbagai petaka dan bahaya¹⁶.

c) Hukum Menerima Sesuatu Berita Daripada Orang Fasiq Dan Orang Yang Adil

Berdasarkan tafsiran ayat dalam surah al-Hujurat tersebut, dibahaskan mengenai dua perkara iaitu:

Pertama:

Apabila orang fasiq membawa sebuah berita yang diragukan kebenarannya, maka wajib dilakukan periksa (*tathabbut*) atau menyelidiki pada berita tersebut.

Kedua:

Ayat itu juga dijadikan dalil oleh para ulama usul dalam menerima berita orang yang adil, kerana firman Allah : *إن جاءكم فاسق بنبأ فتبينوا* jika datang kepadamu orang fasiq membawa suatu berita, maka periksalah dengan teliti”, merupakan badal (pengganti) melalui petunjuk khithabnya (kandungan pembicaraan) iaitu pemahaman sesebuah berita, apabila ia bukan seorang fasiq melainkan seorang yang adil, maka tidak perlu dilakukan tabayyun (selidik) berdasarkan cara

¹⁶Bayan Linnas Siri 22, Datuk DR Zulkifli Bin Muhammad Al-Bakri , 20 Mei 2015.

baca dengan *فتبينوا* dan tidak perlu dilakukan tatsabbut (penetapan) berdasarkan cara bacaan yang membaca *فتشبتوا* dan cara inilah yang lebih tepat. Adapun penyaksian orang yang fasiq tertolak sebagaimana dalam surah Annur ada disebut.

d) Hukum Menyebarkan Berita Yang Tidak Sahih

Dalam kehidupan seharian, kita sering mendengar berita yang tidak jelas asal usulnya. Kadang-kadang isu kecil di perbesarkan dalam berita yang di edarkan atau sebaliknya tanpa diselidiki terlebih dahulu. Kadang kadang berita itu berkaitan dengan kehormatan seorang muslim. Berapa banyak fitnah yang terjadi akibat berita orang fasiq yang jahat. Berapa banyak darah tertumpah, jiwa terbunuh dan harta yang terampas, kehormatan yang terkoyak, akibat berita yang dibuat oleh para musuh islam¹⁷. Allah mendidik kaum mukminin dengan beberapa adab apabila menyebarkan berita. Mengajarkan kepada mereka cara menghadapi berita serta membanterasnya supaya tidak tersebar di kalangan masyarakat. Penyampaian berita tanpa memastikan kebenarannya terlarang di sisi syariat bahkan dibenci menurut tabiat dan tradisi. Kerana itu, datangnya larangan yang tegas dalam menyebarkan suatu berita yang seorang muslim tidak memiliki sandaran yang menunjukkan kebenaran berita tersebut serta dasar yang benar dalam menyebarkannya. Al-Hasan berkata:

المسلم وقاف حتى يتبين

Maksudnya: “Seorang muslim berhenti hingga ia mencari penjelasan”.

Di antara bentuk keselamatan yang besar dan keamanan yang tinggi dari tenggelam dalam menyebarkan berita-berita dan isu-isu yang tidak benar. Wajib bagi seorang muslim untuk menjauhkan diri dari menyebarkan berita-berita buruk demikian juga khabar-khabar yang membuka aib hingga ia selamat dari dosa dan kesalahan yang besar¹⁸.

e) Isu Penyebaran Fitnah Melalui Media Massa

Kemelut hari ini menyaksikan fitnah sudah beralih kepada media sosial yang membolehkan sesiapa sahaja melayarinya di seluruh dunia sepanjang masa. Kecanggihan pelbagai alat komunikasi dibantu media sosial seperti Whatsapp, Facebook, Twitter, Flicker, Instagram, Blog dan sebagainya mempercepat penyampaian segala maklumat. Kesannya, sesetengah masyarakat saling berprasangka, menempelak dan tuduh menuduh antara satu sama lain kerana pertentangan politik, merebut pangkat serta kedudukan.

Fiqh *tabayyun* perlu diuruskan dalam menghadapi isu-isu era teknologi maklumat hari ini. Semua pihak perlu membuat penapisan bagi mengelak mencipta dan menyebarkan fitnah. Masyarakat perlu berhati-hati dan berwaspada apabila mencatat sesuatu ungkapan melalui platform laman sosial. Di sini lah pentingnya fiqh *tabayyun* ketika mendapat sesuatu perkhabaran mahupun maklumat. Tidak menyebarkan maklumat atau komentar yang boleh menimbulkan ketegangan dalam soal agama, maruah, dan hubungan kemasyarakatan.

¹⁷ <https://fitraislami.wordpress.com>

¹⁸ <http://www.firanda.com>

Setiap medium perlu diaplikasikan sebagai perantara menyebarkan ilmu, dakwah, dan maklumat berfaedah, medan interaksi intelek dan akhlak serta komunikasi berdasarkan perspektif agama dan undang-undang, bukan berlandaskan hawa nafsu dan kepentingan peribadi.

f) Memahami Fiqh Tabayyun

1. Tidak terburu-buru menyebarkan berita dan menyampaikan maklumat
2. Menunggu sehingga pasti kesahihannya
3. Tidak menyebarkan berita negatif, umpatan, gosip
4. Tidak menuruti perkara yang tidak diketahui
5. Percaya, beramal dengan apa yang diyakini, difahami.
Tidak menyebarkan berita daripada pihak tidak dikenali atau dikenali sebagai pembohong.
6. Bertanya langsung kepada pihak utama
7. Mendengar dengan saksama maklumat kedua-dua belah pihak¹⁹

4. KESIMPULAN

Masyarakat akan menjadi harmoni dan bersatu padu sekiranya setiap manusia mengamalkan tabayyun dalam menerima sesuatu berita. Keharmonian dapat dilestarikan dengan sikap bertabayyun di samping setiap individu memupuk dan mendidik diri dengan sifat kejujuran dan amanah dalam kehidupan. Kerana orang yang ada secebis taqwa dalam dirinya sudah pasti akan menjauhi dirinya dari menyampaikan fitnah dan berita palsu.

Kita juga perlu menyedari bahawa hikmah pengutusan Nabi SAW kepada seluruh umat manusia untuk menentang amalan jahiliah seperti fitnah dan menyucikan jiwa manusia dari segala kekotoran dan belenggu kejahilan. Sama-sama kita mendidik diri kita supaya tidak termasuk dikalangan mereka yang dibenci oleh Rasulullah SAW.

5. RUJUKAN

- Datuk Dr Zulkifli Al Bakri, 2015, Bayan Linnas siri-22- Konsep Tabayyun dan penerimaannya.
Syaikh Mudrika, 2012, Mengapa Mesti Tabayyun?, Februari 2018, <https://almanhaj.or.id/3445-mengapa-mesti-tabayyun.html>
Kamus Dewan Edisi Ke Empat.
Ibn Kathir, Tafsir al-Quran al-Azim, halaman 7\476.
Mustafa al-Maraghi, Tafsir al-Maraghi, halaman 13\6490.
Syed Qutb, Fi Zilal al-Quran, halaman 15\96.
Ahmad Sonhadji Mohamad, Tafsir Al-Quran Juz 26 halaman 160.
Syeikh Al-Syanqiti, Tafsir Adhwa' al-Bayan, halaman 83.
Muhammad Ibrahim Al Hifnawi, Tafsir Al-Qurtubi Jilid 17, halaman 26.
Syaikh Abu Bakar Jabir Al-Jazairi, Tafsir Al-Quran Al Aisar Jilid 6, halaman 905.
Datuk Dr Zulkifli Al Bakri, 2015, Bayan Linnas siri-22- Konsep Tabayyun dan Penerimaannya.

¹⁹ m.utusan.com.my/rencana/fiqh-tabayyun

Konsep Berita Dalam Al-Quran (Implikasinya Dalam Sistem Pemberitaan Di Media Sosial) ,
Iftitah Jaafar , 1 Mei 2017.

Yusuf Al-Qardawi , Al-Halal Wa Al-Haram Fi Al-Islam, Hlm 604-606.

<https://fitrahlami.wordpress.com>.

<http://www.firanda.com>.

m.utusan.com.my/rencana/fiqh-tabayyun.